

BAB LIMA : RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0. Pengenalan

Bab ini akan merumuskan dapatan kajian daripada data-data kajian yang telah dibentangkan dalam bab-bab yang lalu. Penulis membahagikan kepada dua bahagian iaitu :

- i. Analisis pola kata kerja thulāthīy mazīd dan masdar
- ii. Analisis semantik kata kerja thulāthīy mazīd dan masdar

5.1. Rumusan

5.1.1. Pola kata kerja thulāthīy mazīd dan masdar

Daripada data-data yang telah dibentangkan dalam bab-bab yang telah lalu, didapati kata kerja thulāthīy mazīd mempunyai 12 pola kata kerja iaitu 3 pola bagi kata kerja thulāthīy mazīd satu konsonan, 5 pola bagi kata kerja thulāthīy mazīd dua konsonan dan 4 pola kata kerja thulāthīy mazīd tiga konsonan.

Setiap kata kerja yang berimbunan ini, mempunyai pola masdarnya yang khusus dan berbeza. Manakala sesetengahnya terdapat lebih daripada satu masdar dalam satu pola kata kerja.

Bagi kata kerja thulāthīy mazīd satu konsonan masdarnya dalam dua bentuk pola. Contohnya pola فَعَّلَ masdarnya terbahagi kepada dua pola iaitu pola تَفَعَّلَ dan تَفَعَّلَ. Perbezaan pola ini kerana, kepelbagaian kata kerja bahasa Arab dalam kata kerja ṣaḥīḥ dan mu'tal .

Manakala pola masdar bagi kata kerja thulāthīy mazīd dua konsonan, sebahagiannya terbentuk dalam satu pola masdar yang sama dari kata kerja ṣaḥīḥ dan mu'tal. Sebahagiannya pula berbeza pola masdarnya kerana berlaku proses asimilasi.

Bagi kata kerja thulāthīy mazīd tiga konsonan pula, masdarnya dalam bentuk pola masdar yang sama dari kata kerja ṣaḥīḥ dan mu'tal.

5.1.2. Semantik kata kerja thulāthīy mazīd dan masdar

Penulis mendapati, kebanyakan pola kata kerja terdapat lebih daripada satu semantik dalam satu pola. Penulis juga mendapati, terdapat persamaan semantik daripada pola kata kerja thulāthīy mazīd yang berbeza. Oleh yang demikian, penulis cuba membuat rumusan seperti di bawah.

5.1.2.1. Semantik kata kerja thulāthīy mazīd satu konsonan

Bagi pola فَعَّلَ semantiknya adalah pelbagai. Begitu juga pola أَفَعَّلَ dan فَاعَلَ .

Terdapat persamaan semantik bagi pola **فَعَّلَ** dan **أَفْعَلَ**. Contohnya bagi makna pentransitifan (**التَّعْدِيَّة**). Namun begitu, Sibawayh menyatakan pola **أَفْعَلَ** lebih banyak digunakan berbanding pola **فَعَّلَ**. Begitu juga bagi makna memperbanyakkan (**التَّكْثِير**), terdapat makna ini bagi ketiga pola kata kerja.

Selain daripada itu, terdapat makna menghilangkan sesuatu (**السُّلْب**) dan makna melakukan sesuatu apabila tiba waktunya bagi pola **أَفْعَلَ** dan **فَعَّلَ**.

5.1.2.2. Semantik kata kerja thulāthiy mazīd dua konsonan.

Semantik kata kerja thulāthiy mazīd dua konsonan juga adalah beraneka. Penulis mengenal pasti persamaan semantik bagi kelima pola kata kerja ini. Contohnya, terdapat makna *muḥāwa'at* bagi setiap kata kerja thulāthiy mazīd dua konsonan kecuali pola **أَفْعَلَ**.

Manakala bagi pola **أَفْعَلَ** dan **تَفَعَّلَ**, masing-masing membawa maksud kepalingan (**المُبَالَغَة**). Begitu juga dengan pola **تَفَاعَلَ** dan **اِفْتَعَلَ** yang mempunyai makna penyalingan (**المُشَارَكَة**).

Bagi pola **اِفْتَعَلَ** dan **تَفَعَّلَ** juga mempunyai persamaan makna mengambil atau memiliki (**الِإِتِّخَاذُ**). Begitu juga pola **تَفَعَّلَ** dan **تَفَاعَلَ** masing-masing mempunyai makna beransur-ansur (**التَّدْرِيجُ**).

5.1.2.3. Semantik kata kerja thulāthīy mazīd tiga konsonan

Bagi kata kerja thulāthīy mazīd tiga konsonan pula tidak terdapat semantik yang pelbagai kecuali pola **اسْتَفْعَلَ**. Manakala kata kerja yang lainnya mempunyai makna yang sama iaitu kepalingan (**المُبَالَغَةُ**). (Muhammad Yusriy Za'ir, 1989 : 260)

5.1.2.4. Semantik kata kerja thulāthīy mazīd dari pelbagai pola

Walaupun terdapat persamaan semantik dalam satu pengkategorian kata kerja thulāthīy mazīd yang sama, penulis juga mendapati wujudnya persamaan semantik dari pola yang pelbagai. Contohnya, pola **فَاعَلَ** dan **تَفَاعَلَ** masing-masing membawa makna penyalingan (**المُشَارَكَةُ**). Namun begitu, terdapat perbezaan kedua-dua pola ini iaitu bagi pola **فَاعَلَ** menunjukkan *muta'addiy* kepada kedua objek (*maf'ūl bih*). Contohnya, **نَازَعْتِكَ الْحَدِيثَ** (aku berselisihan bicara dengan kamu). Dalam ayat tersebut, kata ganti

diri (*damīr* / pronoun) “kamu” iaitu konsonan kāf pada نازعتك merupakan objek pertama manakala perkataan الحديث merupakan objek kedua.

Manakala bagi pola تفاعل muta'addiy kepada objek yang keduanya sahaja.

Contohnya تنازعنا الحديث (kami berselisihan bicara) iaitu perkataan الحديث sebagai objek yang kedua .

Sekiranya pola ضاربك فاعل muta'addiy kepada satu objek, contohnya ضاربك (aku telah memukul engkau), kata ganti diri konsonan kāf yang bermaksud “ engkau ” adalah sebagai objek. Ini berlainan pula pada pola تفاعل yang tidak memerlukan kepada satu objek. Contohnya تضاربنا (kami saling berpukulan) dan تضارب زيد عمرو (Zaid dan 'Amr saling berpukulan). (Radiyuddīn Muḥammad, t.t : 102)

Bagi pola افعال dan افعال masing-masing mempunyai makna kepalingan tetapi pola افعال melebihi sifat kepalingannya berbanding pola افعال . (Fakhruddīn Qabāwat, 1994 : 120)

Bagi makna menjadikan sesuatu atau berubah kepada sesuatu terdapat pada pola *اَفْعَلٌ* dan *فَاعِلٌ*, *اَفْعُوْعَلٌ* dan juga *تَفَعَّلٌ*. Manakala bagi makna *muṭāwa'at* pula, terdapat pada semua kata kerja thulāthiy mazīd dua huruf kecuali pola *اَفْعَلٌ* dan kata kerja thulāthiy mazīd satu huruf iaitu pola *اَفْعَلٌ*. Begitu juga dengan pola *اَسْتَفْعَلٌ* dan *اَفْعَلٌ* masing-masing mempunyai makna melakukan sesuatu secara spontan. (*muṣādafat*)

Oleh yang demikian, semantik yang pelbagai serta wujudnya persamaan semantik pada kata kerja thulāthiy mazīd ini menyebabkan ramai pelajar keliru serta gagal membezakan fungsi kata kerja.

Selain daripada itu, penulis juga mendapati terdapat banyak kata kerja thulāthiy mazīd yang mempunyai makna yang berbeza daripada asal kata akarnya. Contohnya perkataan *اَذَّنَ* (memberitahu) daripada pola *اَفْعَلٌ* masdarnya *اِيذَانٌ* (pemberitahuan) bagi pola *اِفْعَالٌ*. Kata akarnya ialah *اَذِنَ* (mengizinkan). Begitu juga dengan perkataan *دَاوَى* (mengubati) daripada pola *فَاعِلٌ* masdarnya *مُدَاوَاةٌ* atau *دَوَاءٌ* (pengubatan) bagi pola *مُفَاعَلَةٌ* atau *فِعَالٌ*. Kata akarnya ialah *دَوِيَ* (sakit).

Contohnya lagi, *تَأَمَّرَ* (bermesyuarat / berpakat) daripada pola *تَفَاعَلٌ* masdarnya *تَأَمَّرٌ* (persepakatan) bagi pola *تَفَاعَلٌ*. Kata akarnya ialah *أَمَرَ* (memerintah).

Antaranya lagi, اشْرُوْرَى (kacau bilau) daripada pola افْعُوْعَلْ masdarnya ialah اشْرِيْرَاء

(kekacauan) bagi pola افْعِيْعَالْ daripada kata akar شَرَى (membeli).

5.2. Cadangan

Bagi mempermudah pelajar memahami dan menguasai masdar thulāthiy mazīd serta semantiknya, penulis mencadangkan supaya diambil langkah-langkah berikut :

1. Masdar thulāthiy mazīd dijadikan sebagai tajuk penting dalam sukatan pembelajaran.

Kata kerja thulāthiy mazīd dan masdarnya biasanya digunakan dalam pembentukan ayat bahasa Arab. Ia merupakan satu aspek yang penting dalam struktur ayat bagi menghasilkan karangan yang sempurna.

Oleh yang demikian, dengan menjadikan tajuk ini sebagai salah satu tajuk yang perlu ditekankan dalam pembelajaran, pelajar akan dapat memahaminya serta menguasainya dengan lebih baik.

2. Penerangan mengikut format yang betul.

Penerangan yang disampaikan oleh guru mengikut pengkaedahan bahasa

Arab yang betul adalah penting. Ini kerana, pelajar yang keliru mengenai fungsi kata kerja ini dan masdarnya disebabkan guru tidak menerangkan asal kata kerja ini dan pecahannya dengan terperinci serta kegunaannya dan juga semantik kata kerja yang pelbagai.

3. Penyediaan gambar rajah beserta contoh.

Gambar rajah berupa jadual yang tersusun mengikut pengkategorian kata kerja *thulāthīy mazīd* dan masdarnya beserta contoh perkataan yang berkaitan adalah perlu untuk memudahkan pelajar mengenal pasti di samping dapat membezakan fungsi setiap pola kata kerja dan perubahan morfologi yang berlaku. Disusuli juga, jadual semantik kata kerja yang komprehensif beserta contoh-contoh ayat yang berkaitan.

4. Latihan latih tubi.

Ujian atau latihan latih tubi perlu diberikan sekerap mungkin kepada pelajar mengenai bab ini. Melalui latihan-latihan ini, pelajar akan dapat memahirkan diri dengan menggunakan kata kerja ini dan kata akarnya beserta masdarnya melalui pembentukan ayat. Pelajar juga perlu didedahkan dengan artikel-artikel bahasa Arab yang mengandungi banyak perkataan daripada kata kerja ini. Ia bertujuan, memahirkan pelajar tentang fungsi dan kegunaan kata kerja dalam ayat.

5.3. Penutup

Pembentukan kata dalam bahasa Arab adalah berbeza dengan bahasa ibunda dan juga bahasa-bahasa asing yang lain. Ia adalah satu keistimewaan yang terdapat dalam bahasa al Quran al-Karim. Dalam bahasa Arab, terdapat kata akar dan kata berimbuhan sepertimana yang kita pelajari dalam bahasa ibunda. Pengimbuhan ini menunjukkan kepada ringkasan bahasa (*al-ġāz*). Ringkasan bahasa yang dimaksudkan ini sama ada ringkasan perkataan (*al- ġāz fi al-Mufradāt*) ataupun ringkasan ayat (*al- ġāz fi al-Tarākīb*).Ianya bertujuan untuk meringkaskan perkataan atau ayat bagi menghasilkan banyak pengertian.

Ringkasan perkataan terdapat pada makna pentransitifan (*al-ta'addiy*), penyalingan (*المُشَارَكَة*), dan bagi makna meminta atau menuntut sesuatu (*al-talab*). Contohnya, bagi kata *خَرَجَ* (telah keluar) apabila diimbuhkan dengan satu konsonan *أَخْرَجَ* (mengeluarkan) menghasilkan makna yang baru iaitu menunjukkan kepada makna pentransitifan. Begitu juga dengan kata kerja *قَتَلَ* (membunuh) dan *سَبَقَ* (mendahului) apabila diimbuhkan kepada pola *قَاتَلَ* (saling berbunuhan) dan *تَسَابَقَ* (saling mendahului) kedua-duanya menghasilkan makna yang baru iaitu makna penyalingan (*al-musyāraḳat*). Manakala kata kerja

فهم (memahami) apabila diimbuhkan kepada pola استَفْهَمَ (meminta supaya difahamkan) ianya berubah kepada makna meminta penjelasan.

Manakala ringkasan pada ayat pula seperti pada makna *muṭāwa'at*, dan makna menjadikan sesuatu (الصِّوْرَة). Ia juga terdapat pada makna kepalingan (المَبَالِغَة), dan makna memperbanyakkan (التَّكْثِير) serta makna meringkaskan atau memendekkan sesuatu ayat dan sebagainya. Setiap satu daripada makna-makna tersebut memerlukan dua perkataan atau lebih dalam bahasa asing tetapi dalam bahasa Arab ianya terhasil dalam satu perkataan sahaja. Contohnya, انْقَطَعَ الحَبْلُ (tali itu telah terpotong) bagi makna *mūṭāwa'at* dan أَثْمَرَ الشَّجَرُ (pohon itu berbuah) yakni pokok itu menjadi pohon yang berbuah, اسْتَحْجَرَ الطِّينَ (tanah itu menjadi batu) yakni berubah menjadi batu. (Fakhruddīn Qabāwāt, 1994 : 121 : 122)

Penggunaan kata kerja ini kerap kali digunakan dalam pembentukan ayat mengikut situasi yang berbeza. Menjadi keistimewaannya juga, setiap satu kata kerja berimbunan ini menghasilkan semantik yang beraneka dan berbeza.

Oleh yang demikian, penulis berpendapat kata kerja thulāthiy mazīd dan masdarnya adalah penting diperbincangkan di samping perlu diberi penekanan

dalam pembelajaran agar pelajar mahir dalam berbahasa Arab juga meningkatkan lagi pencapaian pelajar dalam pelajaran serta ilmu-ilmu yang lainnya.

Akhir sekali, semoga disertasi ini mendapat manfaat buat semua dan ia dapat membantu pelajar meningkatkan lagi mutu pembelajaran khususnya bahasa Arab.